

CNS8881

U GB 23-11 00167 BA032

aab

Mahathir - EAEC (Membetulkan ejaan dalam para tiga)  
MAHATHIR SAMBUT BAIK KENYATAAN CLINTON

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyambut baik kenyataan Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton bahawa beliau tidak menentang Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Perdana Menteri berharap perkembangan terbaru itu akan membolehkan negara-negara Asia Timur seperti Jepun dan Korea (Selatan) menyertai EAEC.

Dr Mahathir berharap dengan kenyataan Clinton itu, negara-negara di Asia Timur tidak mempunyai alasan lain untuk tidak menyertai EAEC.

Kini terpulanglah kepada Jepun dan Korea yang dahulunya tidak ingin menyertai EAEC kerana ditentang oleh Amerika Syarikat, untuk menyertainya, kata beliau.

"Alasan itu (yang US menentang EAEC) sudah tiada lagi," kata beliau di Bangunan Parlimen di sini semasa ditanya wartawan mengenai pendirian terbaru pemimpin Amerika itu.

Presiden Clinton pada hari terakhir perjumpaan tidak rasmi pemimpin APEC di Seattle menyatakan bahawa beliau tidak menentang EAEC jika ia boleh membantu membebaskan dagangan. -- Lagi.

▼23/11/16-20MST

U GB 23-11 00140 BH456

AAB

Mahathir - EAEC 2 Kuala Lumpur

Mengenai kenyataan Clinton bahawa beliau berhasrat untuk menemui Dr Mahathir, Perdana Menteri berharap "satu hari nanti" dapat berjumpa dengan Presiden Amerika Syarikat itu.

"Sebenarnya, sebelum mesyuarat di Seattle, saya telah menjawab surat jemputan daripada pihak Clinton menyatakan kepadanya bahawa saya tidak dapat hadir."

"Dan nampaknya dia (Clinton) bersedia melalui kenyataannya untuk mengadakan perjumpaan," kata beliau.

Ketika ditanya pandangan beliau mengenai perjumpaan tidak rasmi pemimpin APEC yang kedua di Indonesia tahun depan, Dr Mahathir berkata, itu terpulang kepada pendirian setiap pemimpin di dalam APEC.

Bagaimanapun, beliau berkata, matlamat APEC kini sudah berbeza.

"Kita dari awal lagi berkata APEC tidak harus menjadi satu badan formal...ia patut jadi satu forum semata-mata menumpukan kepada program dan projek...tetapi nampak sekarang lain jadi," katanya. -- Lagi.

▼23/11/17-08MST

CNS8941

U GB 23-11 00170 BA050

aah

Mahathir - EAEC 3 (akhir) Kuala Lumpur

Mengenai laporan sebuah akhbar tempatan di Singapura yang memetik Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong sebagai berkata bahawa APEC harus dimasukkan dalam NAFTA, Dr Mahathir berkata, kesannya perlu dikaji terlebih dahulu.

"Kalau APEC masuk dalam NAFTA, kita juga harus mengkaji peranan Kesatuan Eropah (EC) dalam NAFTA dan APEC...akhirnya seluruh dunia akan berada dalam satu pasaran bersama," kata beliau.

Mengenai NAFTA, beliau berkata, Malaysia akan memerhatikan perkembangannya untuk memastikan bahawa sebarang tindakan atau syarat yang dikenakan oleh NAFTA tidak akan merugikannya

"Kini kita belum dapat memastikan sama ada pengakuan NAFTA (yang menggabungkan pasaran Kanada, AS dan Mexico) bahawa kewujudannya tidak akan merugikan kita, benar atau tidak," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, hanya masa akan menentukah sama ada NAFTA itu akan menguntungkan Malaysia atau sebaliknya.

Ketika ditanya kerugian daripada segi pendapatan yang akan dialami oleh Malaysia dengan terbentuknya NAFTA, beliau berkata, kajian mengenainya belum dibuat lagi. -- Bernama

RS NMO

▼23/11/17-31MST